

%

BAHASA MELAYU  
PEMAHAMAN  
(KERTAS 1)

TAHUN 5  
1 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

- Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
- Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
- Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C**, dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.
- Bagi **Bahagian B**, jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
No. Soalan	Markah	
Bah. A		
21		
22	(a) (b) (c)	
23	(a) (b) (c)	
24	(a) (b) (c) (d)	
25	(a) (b) (c) (d)	
Jumlah		/ 50

NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_

Kertas soalan ini mengandungi **12** halaman bercetak.

**BAHAGIAN A**  
(20 markah)

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Kemudian, tandakan jawapan kamu dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.

1. \_\_\_\_\_ bertiga bermain bola bersama-sama pada setiap petang.
- A Mereka
  - B Dia
  - C Kamu
  - D Kalian
2. “\_\_\_\_\_ akan pastikan negeri Melaka ini sentiasa aman dan damai,” kata Laksamana Hang Tuah kepada Sultan Mahmud.
- A Patik
  - B Beta
  - C Hamba
  - D Tuan hamba
3. Ibu Vijaya sedang \_\_\_\_\_ baja pada pokok cili.
- A menanam
  - B membubuh
  - C membawa
  - D menuai
4. Hari Kebangsaan negara kita disambut pada bulan \_\_\_\_\_.  
A September  
B Oktober  
C Julai  
D Ogos

**Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.**



5. Wei Yau berasa \_\_\_\_\_ setelah menerima hadiah daripada ibunya.
- A kuat
  - B girang
  - C bangga
  - D sedih
6. Hubungan antara Chai Min dan Puteri tetap \_\_\_\_\_ walaupun jarang berjumpa.
- A dekat
  - B jauh
  - C renggang
  - D erat

**Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.**



7. Datuk dan nenek saya gemar \_\_\_\_\_ pada waktu petang.
- A berkebun
  - B bersenam
  - C berehat
  - D berbual-bual
8. “\_\_\_\_\_ kamu dapat hadir ke majlis hari lahir saya nanti,” kata Alya.
- A Harap
  - B Jangan
  - C Tolong
  - D Sila
9. \_\_\_\_\_ daripada kuih karipap itu sudah pun basi dan tidak boleh dimakan lagi.
- A Banyak
  - B Segelintir
  - C Sebahagian
  - D Segala

**Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.**



10. Jia Yi hanya melemparkan \_\_\_\_\_ apabila dipuji oleh rakan-rakannya.
- A jelingan
  - B bayangan
  - C tangisan
  - D senyuman

11. Kuih-muih itu \_\_\_\_\_ di atas meja itu.

- A meletakkan
- B diletakkan
- C terletak
- D letakkan

**Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.**



12. Rambut pengemis itu \_\_\_\_\_ dan badannya berbau busuk.

- A kelam-kabut
- B compang-camping
- C kusut-masai
- D koyak-rabak

13. Para peserta perlu mendaftarkan nama kepada \_\_\_\_\_ sebelum menyertai pertandingan itu.

- A mata pelajaran
- B atur cara
- C urus setia
- D reka cipta

14. Ibu sedang memujuk adik \_\_\_\_\_ sedang menangis.

- A yang
- B bahawa
- C untuk
- D kerana

**Soalan**

**15**

**dan**

**16**

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

15. 'Terima kasih kerana menolong saya," kata Mak Limah kepada Puan Suraya.

- A Mak Limah dan Puan Suraya mengucapkan terima kasih kepada saya.
- B Mak Limah berterima kasih kepada Puan Suraya kerana menolong saya.
- C Puan Suraya mengucapkan terima kasih kepada Mak Limah kerana menolongnya
- D Mak Limah mengucapkan terima kasih kepada Puan Suraya atas pertolongannya.
16. Cikgu Hafizul bertanya kepada Lee Tian sebab dia tidak hadir ke latihan koir semalam.
- A "Kamukah yang tidak hadir ke latihan koir semalam, Lee Tian?" tanya Cikgu Hafizul.
- B "Siapakah yang tidak hadir ke latihan koir semalam, Lee Tian?" tanya Cikgu Hafizul.
- C "Ke manakah kamu pergi semalam, Lee Tian?" tanya Cikgu Hafizul.
- D "Mengapakah kamu tidak hadir ke latihan koir semalam, Lee Tian?" tanya Cikgu Hafizul.

**Soalan**

**17**

**hingga**

**20**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari ini ialah 31 Ogos. Awal pagi lagi, saya sekeluarga sudah bersiap kerana teruja mahu menyaksikan sambutan Hari Kemerdekaan yang **gilang-gemilang** di stadium negara. Sewaktu kami tiba, orang ramai sudah memenuhi tempat duduk di dalam stadium. Pemerintah-pemerintah negara yang tiba disambut dengan alunan muzik yang dimainkan oleh kumpulan pancaragam.

Upacara bermula dengan ucapan daripada Perdana Menteri. Kemudian, upacara perbarisan bermula. Acara ini disertai oleh pasukan berpakaian seragam seperti polis, tentera, kadet dan sebagainya. Selepas itu, acara perarakan kereta berhias bermula.

Acara terakhir pada hari itu ialah persembahan tarian tradisional oleh beratus-ratus orang pelajar. Pelbagai jenis tarian tradisional masyarakat dipersembahkan. Acara ini sangat menarik perhatian para penonton.

Kami berpuas hati dengan persembahan pada hari ini. Selain itu, kami berasa bangga kerana tinggal di sebuah negara yang merdeka. Merdeka! Merdeka! Merdeka!

17. Sambutan Hari Kemerdekaan diadakan pada

- A 30 Ogos
- B 31 Ogos


- C 1 September  
D 2 September
18. Bagaimanakah ketibaan pemerintah-pemerintah negara disambut apabila tiba di stadium?  
A alunan muzik dimainkan oleh kumpulan pancaragam  
B alunan muzik dimainkan oleh kumpulan muzik  
C orang ramai sudah memenuhi tempat duduk di dalam stadium  
D upacara bermula
19. Siapakah yang memulakan ucapan pada hari tersebut  
A Guru besar  
B Polis  
C Perdana Menteri  
D Menteri Besar
20. Perkataan **gilang-gemilang** dalam petikan bermaksud  
A gembira  
B meriah  
C indah  
D cantik

**BAHAGIAN B**  
(30 markah)

### **Soalan 21**

Garisi kata kerja yang paling sesuai dalam ayat yang di bawah.

1. Fang Chi membantu ibu ( meletakkan , diletakkan ) peti pertolongan cemas di atas almari.
2. Yi Jian menyarung jaket ( menyelamatkan , keselamatan ) sebelum aktiviti menyelam di dasar laut dilakukan.
3. Puan Ang sedang ( pengawasan , mengawasi ) anaknya bermain di taman permainan.
4. Api yang marak itu berjaya ( memadamkan , dipadamkan ) oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat.



### **Soalan 22**


- a. Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:


---

---

**Jawapan:** Saya akan pulang ke kampung pada cuti sekolah.




- b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



2

- c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

---

---

2

### Soalan 23

Baca perbualan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Amar : Selamat petang, Tok Wan. Apa Tok Wan buat itu?

Tok Wan : Oh, Amar! Selamat petang. Tok sedang membaja anak-anak pokok cili dan pokok bunga ini.

Amar : Saya lihat tanaman tok subur-subur belaka. Apakah faedah yang boleh kita dapat dengan berkebun, tok?

Tok Wan : Dengan berkebun, badan kita akan menjadi sihat kerana dapat mengeluarkan peluh. Kita juga dapat berjimat cermat kerana tidak perlu membeli cili di pasar.

Amar : Oh, begitu. Saya juga terasa mahu berkebun.

Tok Wan : Bagus, Amar. Berkebun juga dapat memupuk sikap cinta akan alam sekitar.

Amar : Berkebun memang baik. Kalau begitu, saya minta diri dahulu. Saya hendak mengajak ayah saya membeli benih pokok. Jumpa lagi, tok.

Tok Wan : Baiklah. Selamat jalan.

- a. Apakah yang sedang dilakukan oleh Tok Wan?

---



---

[2 markah]

- b. Tuliskan BETUL bagi pernyataan yang betul dan SALAH bagi pernyataan yang salah berdasarkan petikan.

Pernyataan	Betul / Salah
Dapat berjimat cermat	<b>BETUL</b>
Mendapat pendapatan yang lumayan	
Badan kita akan menjadi lebih sihat	
Dapat memupuk sikap cinta akan alam sekitar	

[2 markah]

- c. Perkataan **berkebun** dalam petikan bermaksud \_\_\_\_\_

[1 markah]

#### Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KUALA KURAU, Jumaat - Satu kemalangan ngeri telah berlaku di sebuah simpang di pekan ini pada pukul 5.00 petang tadi. Kemalangan tersebut melibatkan sebuah kereta dengan sebuah motosikal.

Menurut Ketua Balai Polis Kuala Kurau, Inspektor Amin bin Zainal Abidin, kereta itu dikatakan terbabas lalu melanggar motosikal yang datang dari arah bertentangan. Ekoran daripada perlanggaran itu, penunggang motosikal tercampak ke tepi jalan dan meninggal dunia di tempat kejadian.

Pemandu kereta pula telah tersepit di tempat duduknya dan mengalami kecederaan yang parah di badan dan kepala. Seorang penumpang kereta pula hanya mengalami kecederaan ringan.

Beberapa orang anggota bomba telah sampai ke tempat kejadian dan telah berusaha untuk mengeluarkan pemandu kereta yang tersepit itu. Mangsa berjaya dikeluarkan selepas setengah jam terperangkap di dalam kereta itu. Selain itu, ambulans juga telah datang untuk membawa mangsa yang meninggal dunia dan cedera ke Hospital Parit Buntar.

Kemalangan ngeri tersebut telah menyebabkan lalu lintas mengalami kesesakan yang agak teruk. Polis trafik telah berjaya mengawal keadaan dan keadaan kembali pulih beberapa jam kemudian. Pihak polis masih menyiasat punca kejadian tersebut dan akan menahan pemandu kereta tersebut untuk mendapatkan keteranganya.

- a. Perkataan *parah* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan

\_\_\_\_\_.

[1 markah]

- b. Apakah yang berlaku kepada penunggang motosikal?

\_\_\_\_\_

[2 markah]

- c. Bagaimanakah keadaan lalu lintas semasa kemalangan ngeri itu berlaku?

\_\_\_\_\_

[2 markah]

- d. Adakah kemalangan tersebut berpunca daripada penunggang motosikal?

Mengapa?

---

---

---

[3 markah]

**Soalan 25**

Baca sajak di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Awasi Keselamatanmu**

Sahabatku  
Nasihatku jangan dilupa  
Kata-kata ini amat bermakna  
Walau di mana-mana kauberada  
Keselamatan diri tetap diutama.

Sahabatku  
Awasi dompetmu  
Pastikan di sisimu  
Biarlah bersama-sama  
Takut nanti hilang entah ke mana  
Kelak pasti jiwa merana.

Sahabatku  
Bersendirian tanpa tuju  
Mungkin bahaya sedang menunggu  
Nanti diculik tak siapa yang tahu.

Sahabatku  
Jika kamu hadapi masalah  
Usah kamu berasa gundah  
Pantang alah jangan pasrah  
Tenangkan diri elak marah.

Sahabatku  
Awasi keselamatanmu  
Usah leka akan nasihatku  
Demi kasih sayangku yang jitu.

- a. Apakah maksud rangkap pertama dalam sajak di atas?

---

---

[2 markah]

- b. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan sajak tersebut.

Kita boleh pergi ke mana sahaja secara bersendirian.	
Kita perlu menjaga dompet dan pastikan sentiasa berada bersama kita.	

[1 markah]

- c. Mengapakah kita dilarang berjalan sendirian?

---

---

[1 markah]

Jika kamu hadapi masalah  
Usah kamu berasa gundah

- d. Terangkan maksud baris dalam sajak di atas.

---

---

---

[3 markah]